

SH 1618107 PS-720

## GPMS usaha pelbagaikan pengisian program



● Murid Tahun Enam SK Pusat Bukit Besar yang mengikuti program anjuran GPMS Cawangan Khas UMT, semalam.

KUALA TERENGGANU – Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Cawangan Khas, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan mempelbagaikan pengisian program pada masa akan datang khusus untuk kebaikan semua pihak.

Yang Dipertua, Muhamad Razif Muhamad Zaki berkata, setakat ini pengisian aktiviti meliputi akademik dan kokurikulum pelajar.

“Mungkin kita akan selitkan slot lebih menarik seperti taklimat melanjutkan pengajian, taklimat kerjaya dan banyak lagi bersesuaian dengan perkembangan semasa,” katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, GPMS Cawangan Khas, UMT itu akan terus membantu pelajar yang berhadapan dengan masalah dalam pelajaran.

“Bentuk bantuan akan diberikan ketid berlangsung program anjuran GPMS Cawangan Khas, UMT sendiri.

“Tetapi, jika tidak berlangsung program berkenaan, kita akan tetap membantu adik asalkan mereka bertekad untuk berusaha memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, keputusan STPM, STAM dan SPM yang baru diumumkan diharap dapat menjadi rangsang pada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.

“Bagi yang berjaya, diucapkan tahniah dan bagi yang tidak, usaha lagi. Jangan putus asa dan menganggap tidak ada ruang untuk menyambung pengajian. Sedangkan kita mempunyai banyak institusi untuk dipilih,” katanya.